



Original Article

## Penglibatan dan Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)

Mohd Khairul Amin Haji Zakaria<sup>a\*</sup>, Mohamad Zaidi Abdul Rahman<sup>a</sup> & Shukeri Mohamad<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of Siyasa Shar'iyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

\* Corresponding author, email; khairul91um@yahoo.com.my

---

### ABSTRACT

Harun Taib involvement in Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) began as early as teens until the end of his life. Various responsibilities and the trustworthiness carried him throughout his struggle with PAS. He was starting as an *amilin* (worker) to PAS until the highest position as the Chairman of the Council of Ulama. Undeniably, in playing his roles especially as the Chairman of the Council of Ulama, he has contributed to the development of the Party and also to the whole community. The objective of this study is to identify the involvements and contributions of Harun Taib in PAS. This study will be using the qualitative methodological approach comprehensively by focusing on the instrument of literature review, analysis of documents, interviews and observations. This study argues that Harun Taib plays an important role throughout his involvement in PAS by contributing in the various sectors, particularly in *tarbiyyah*. His contributions in *tarbiyyah* are so vital in producing the future leadership of PAS. Indeed, the involvements and contributions of Harun Taib in PAS are inspiring and deserving recognition and appreciation from the public.

**Keywords:** Involvement; contribution; Harun Taib; PAS; *tarbiyyah*

---

### Pendahuluan

Harun Taib<sup>1</sup> melibatkan diri sepenuhnya dalam gerakan Islam khususnya Parti Islam Semalaysia (PAS) semenjak remaja lagi dengan nombor pendaftaran ahli 65152.<sup>2</sup> Pelbagai jawatan disandang beliau bermula dari bawah sehinggalah jawatan utama dalam parti. Antara jawatan-jawatan utama sepanjang penglibatan beliau dalam politik khususnya parti PAS ialah Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Manir, Exco Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Dipertua PAS kawasan Hulu Terengganu dan Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu serta Ketua Dewan Ulama PAS Pusat.

---

<sup>1</sup> Harun Taib merupakan mantan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat dari tahun 1995 hingga 2007 dan dari tahun 2009 hingga 2014 (akhir hayatnya).

<sup>2</sup> Abu Bakar bin Abdullah et al., "*Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib*" (Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016), 8.

Walaupun berkelulusan tinggi dalam pembelajarannya, beliau sanggup bersusah payah untuk berada dalam perjuangan PAS dan tidak mengimpikan untuk mengejar kekayaan.<sup>3</sup> Sesungguhnya Harun Taib seorang pemimpin yang serba boleh dan beliau menggunakan segala ruang dan peluang yang diberikan untuk menjawat jawatan yang ditaklifkan sebagai satu wasilah untuk beliau terus berjuang dan istiqamah memberi sumbangan khususnya dalam perjuangan Islam.

### **Penglibatan dan Sumbangan Harun Taib dalam PAS**

Dalam membincangkan perkara ini, ia boleh dibahagikan kepada tiga perkara utama iaitu Penglibatan dan sumbangan dalam tarbiah dan pendidikan, politik dan kemasyarakatan serta karya dan penulisan.

#### **Tarbiah dan Pendidikan**

Penglibatan Harun Taib dalam organisasi parti secara lebih serius bermula hanya selepas kejayaan beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Manir pada Pilihan Raya Umum 1982. Individu yang bertanggungjawab memperkenalkan beliau ke dalam organisasi PAS ialah sahabat karibnya iaitu Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Sebagai permulaan, beliau diamanahkan dua jawatan setiausaha kepada dua unit organisasi diterajui Tuan Guru Abdul Hadi Awang sendiri ketika itu iaitu Badan Perhubungan PAS Terengganu dan Lajnah Tarbiah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat. Harun Taib juga mula terlibat aktif didalam Dewan Ulama Negeri dan Pusat. Penonjolan beliau bagaimanapun paling dirasai menerusi peranan sangat berkesan didalam agenda-agenda tarbiah samada di peringkat pusat mahupun negeri. Kebetulan pula era 1980-an itu merupakan permulaan gelombang kebangkitan semula Islam diserata dunia. Malaysia tidak terkecuali menerima percikannya. Ceramah dan aktiviti PAS mendapat sambutan amat menggalakkan. Majlis-majlis kuliah agama dan aktiviti-aktiviti tarbiah seperti usrah, tamrin, ijtima' dan daurah mula mendapat perhatian ramai.<sup>4</sup> Kesedaran untuk kembali menghayati Islam dalam masyarakat menuntut PAS tampil dengan modul atau sukatan tarbiah yang lebih relevan dan tersusun. Melalui kepimpinan ulama, PAS telah mengambil beberapa pendekatan untuk memperkukuhkan elemen dalaman di kalangan ahli dan juga meningkatkan pengaruh PAS di kalangan rakyat. Oleh itu, PAS telah memperkenalkan sistem *tarbiyyah haraki* pada tahun 1982 yang bertujuan untuk membina kesedaran dan kefahaman ahli-ahlinya terhadap Islam secara tersusun.<sup>5</sup>

Dalam bidang tarbiah dan perkaderan, Harun Taib seorang yang komited dan istiqamah dalam melaksanakan agenda tarbiah dan pendidikan kepada masyarakat. Pelbagai aktiviti dan program diadakan khususnya usrah dalam pembinaan individu muslim ke arah perkaderan pelapis PAS. Komitmen Harun Taib terhadap agenda tarbiah sangat tinggi sehinggakan dalam

---

<sup>3</sup> Faez Azahar, "Ustaz Harun Sukar Dicari Ganti". *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014, 29.

<sup>4</sup> Usrah ialah program berkumpul bersama untuk mengeratkan hubungan, belajar bersama dengan silibus dibekalkan gerakan. Tamrin ialah program latihan kepada kader dakwah di mana ia juga bertujuan untuk mengindoktrinkan peserta dengan matlamat perjuangan. Ijtimak ialah program berbentuk himpunan yang dipadatkan dengan acara kerohanian yang disampaikan oleh pimpinan-pimpinan PAS. Antara ijtimak yang biasa dilaksanakan oleh PAS ialah Ijtima Alami dan Ijtimak Tarbawi. Lihat; Idris Ahmad, *Panduan Usrah*, (Kuala Lumpur: Sarjana Media, 2001) 1-2.

<sup>5</sup> Siti Turimah Hailani, "*Metode Pentarbiahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam: Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia (PAS)*" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994), 96.

kalangan anak-anak didiknya yang rapat dengannya pun tidak dapat memastikan berapa jumlah unit usrah yang dikendali dan diterajui oleh beliau yang kebanyakannya melibatkan golongan terpelajar, kalangan penjawat awam dan professional termasuk golongan korporat.<sup>6</sup> Bagi membincangkan secara terperinci berkaitan penglibatan dan sumbangan Harun Taib dalam sektor pendidikan, ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat tinggi. Huraian berkaitan sumbangan pendidikan Harun Taib diperincikan berdasarkan tiga bahagian tersebut.

a) Peringkat Rendah

Harun Taib dianggap pelopor idea pendidikan berinstitusi secara tersusun di dalam PAS lebih-lebih lagi di negeri Terengganu. Dalam pertengahan dekad 1980-an, beliau membentangkan kertas kerja tentang pendidikan pra sekolah di bawah PAS dan akhirnya PASTI telah muncul sebagai produk pendidikan jamaah yang sangat piawai dan membanggakan gerakan Islam tertua di negara ini. Dalam beberapa tahun itu juga iaitu diakhir 80-an terbinanya sekolah-sekolah rendah Islam di hampir setiap kawasan di Terengganu. Ia bermula dengan penubuhan Madrasah Ibtidaiyyah Darul Taqwa di Pekan Batu Enam, disusuli Darul Salam di Losong dan Darul Ehsan di Kubang Lembek. Walaupun ketiga-tiganya ini terletak di daerah Kuala Terengganu institusi berkenaan sebenarnya di bawah pengurusan tiga kawasan parlimen yang berbeza iaitu masing-masing di Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Di Kemaman turut diwujudkan Darul Taqwa manakala di Besut ditubuhkan Darul Islah. Kesemua madrasah ini dinaungi Dewan Ulama PAS negeri Terengganu dan terbaru ialah penubuhan Madrasah Darul Iman di Marang. Semasa beliau menjawat jawatan sebagai Exco kerajaan negeri Terengganu dalam penggal 1999 sehingga 2004, beliau diamanahkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Kerajaan Negeri Terengganu. Beliau telah menubuhkan pelbagai institusi pendidikan seperti Sekolah Agama Rendah Bersepadu (SRAB) untuk lebih fokus kepada pendidikan agama di peringkat rendah di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).<sup>7</sup>

b) Peringkat Menengah

Dibawah teraju dan tunjuk ajar Harun Taib tertubuhnya Maahad Darul Quran di Masjid Rusila sebuah institusi pendidikan Islam peringkat menengah. Harun Taib merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Maahad Darul Quran, Rusila. Peranan paling besar beliau ialah apabila dilantik menjadi Exco kerajaan negeri Terengganu dalam penggal 1999 sehingga 2004, beliau diamanahkan sebagai Pengerusi Pendidikan dan Pembangunan Dakwah Negeri Terengganu. Beliau tidak pernah gagal untuk memberikan idea yang terbaik bagi membangunkan pendidikan Islam dan dakwah. Terengganu akhirnya menubuhkan Kolej Sains Dan Teknologi Al-Quran (KOSTAQ) dan Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu (KOSPINT).<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Nyza Ayob, "Ustaz Harun Gigih Didik Masyarakat Dengan Islam," *Harakah*, 31 Januari– 2 Februari 2014, 6.

<sup>7</sup> Riduan Mohamad Nor, *Tribute Untuk Dwi Murabbi Dato Ustaz Haji Harun Taib Dato' Ustaz Haji Abu Bakar Chick* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2016), 48.

<sup>8</sup> Riduan Mohamad Nor, *Sumbangan PAS dalam Bidang Pendidikan di Malaysia (1951-2004)*, (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2013), 124-125. Lihat juga Badlihisam Mohd Nasir, Pendidikan Dalam Gerakan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic And Arabic Education Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2, 1 (2010).

c) Peringkat Tinggi

Bagi memenuhi tuntutan kesinambungan pendidikan aliran Islam ini ditubuhkan pula Kolej Universiti Darul Quran Islamiyah di Kubang Lembek. Ia merupakan antara kolej pengajian tinggi yang telah berjaya ditubuhkan oleh PAS. Kolej ini antara lain bertujuan meluaskan proses pendemokrasian ilmu terhadap anak-anak ahli PAS yang tidak mampu melanjutkan pelajaran ke luar negara dan untuk menampung keciciran alumni Maahad Darul Quran, Rusila yang tidak berjaya ke Timur Tengah.<sup>9</sup> Sementara itu, dibawah Lajnah Tarbiah PAS Pusat ditubuhkan Institut Latihan Kepimpinan Dan Perkaderan Dakwah Islamiyah iaitu singkatannya ILHAM<sup>10</sup> pada tahun 1994. Nama Harun Taib terpampang sebagai penaung Lembaga Pengarah ILHAM. Penubuhan Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad atau singkatannya KUIZM<sup>11</sup> di Taman Melewar Kuala Lumpur beberapa tahun yang lalu juga dikatakan turut memanfaatkan pandangan dan peranan yang tidak sedikitpun oleh Harun Taib. Ini jelas menunjukkan seluruh hidup beliau diwakafkan kepada perjuangan ini dan amat sinonim dengan agenda-agenda tarbiah dan membentuk peribadi pejuang Islam yang tulen di dalam parti ini.<sup>12</sup> Di samping itu, beliau juga terlibat sama dalam proses pemerkasaan KUSZA sebagai sebuah universiti, serta menubuhkan Unit Pembinaan Insan dan Unit Mubaligh untuk merancakkan dakwah di negeri Terengganu itu.<sup>13</sup> Selain itu, peranan Harun Taib tidak kurangnya dalam membina hubungan di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang pendidikan. Beliau telah berjaya mendapatkan perjanjian kesepakatan (MOU) dari European Institute of Human Sciences, Wales dan The Markfield Institute of Higher Teknologi, San'a Yaman dan juga Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berwawasan tinggi dan berpandangan jauh kerana beliau berjaya menghantar pelajar Maahad Darul Quran Rusila untuk menyambung pengajian samada ke Timur Tengah dan juga Eropah. Usaha beliau ini akan menghasilkan ulama yang berkemampuan dalam dwi-bahasa Arab dan Inggeris untuk menjadi pelapis kepada perjuangan Islam.<sup>14</sup>

---

<sup>9</sup> Riduan Mohamad Nor, *Sumbangan PAS dalam Bidang Pendidikan di Malaysia (1951-2004)*, (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2013), 223.

<sup>10</sup> Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Dakwah Islamiyah (ILHAM) adalah sebuah Institut Latihan Kepimpinan di bawah Lajnah Tarbiyah Pas Pusat. ILHAM telah beroperasi semenjak 1994. Kini ILHAM menawarkan beberapa Kursus antaranya DIPLOMA TASAWWUR ISLAM dan DIPLOMA LANJUTAN KEPIMPINAN ISLAM yang terbuka kepada semua ahli PAS. Lihat blog rasmi ILHAM, dicapai 23 November 2014, <http://ilhampusat.blogspot.com/>

<sup>11</sup> KUIZM merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang diurus oleh Majlis Pendidikan PAS Peringkat Kebangsaan (MPPPK) di bawah tanggungjawab Lembaga Khas Penubuhan Institut Pengajian Tinggi Swasta (LKPIPTS) bersama kesepaduan tenaga akademik terdiri daripada bekas-bekas pensyarah IPTA yang berpengalaman luas dalam bidang yang berkaitan. Lihat portal rasmi KUIZM, dicapai 15 November 2016, <http://www.kuizm.org/>

<sup>12</sup> Mat Zain Mat Isa, "Ustaz Harun Sinonim Agenda Tarbiah.," *Harakah*, 7 Februari – 9 Februari 2014, 21.

<sup>13</sup> Riduan Mohamad Nor, *Tribute Untuk Dwi Murabbi Dato Ustaz Haji Harun Taib Dato' Ustaz Haji Abu Bakar Chick* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2016), 24.

<sup>14</sup> Atikah binti Harun dan Muhammad Hamdi bin Harun, (anak Harun Taib), dalam temubual dengan penulis, 9 Januari 2017.

### Politik dan Kemasyarakatan

Penglibatan Harun Taib dalam politik Malaysia dikenali segenap lapisan masyarakat. Bermula dari penglibatan beliau di peringkat remaja hingga akhir hayatnya. Beliau terlibat dalam PAS seawal tahun 1957 dengan nombor pendaftaran ahli 65152.<sup>15</sup> Seawal remaja lagi beliau telah aktif bersama PAS sehinggalah beliau dipilih dan mendapat mandat dalam beberapa siri pilihan raya khususnya di DUN Manir.

**Jadual 1: penyertaan Harun Taib dalam Pilihan Raya**

TAHUN	KAWASAN	LAWAN (CALON BN)	KEPUTUSAN	MAJORITI
1978 PRU 5	DUN MANIR	Ismail bin Yusof	KALAH	235 undi
1982 PRU 6	DUN MANIR	Jamaluddin @ Sulaiman bin Jusoh	MENANG	932 undi
1986 PRU 7	DUN MANIR	Awang Abu Bakar bin Sulong	KALAH	108 undi.
1989 PRK	DUN TELUK PASU	Haji Abdul Rahman bin Muhammad	MENANG	141 undi
1990 PRU 8	DUN MANIR	Awang Abu Bakar bin Sulong	MENANG	423 undi
	PARLIMEN HULU TERENGGANU	Datuk Alias bin Ali	KALAH	2,512 undi
1995 PRU 9	DUN MANIR	Shamsudin bin Sulong	MENANG	365 undi
	PARLIMEN HULU TERENGGANU	Mustafa bin Muda	KALAH	2,759 undi
1999 PRU 10	DUN MANIR	Shamsudin bin Sulong	MENANG	1,916 undi
2004 PRU 11	DUN MANIR	Wan Sagar Wan Embong	MENANG	310 undi
2008 PRU 12	DUN MANIR	Wan Sagar Wan Embong	MENANG	432 undi

Sumber : Modifikasi daripada buku Mohd Hasbie Muda<sup>16</sup> dan artikel Mat Zain Mat Isa.<sup>17</sup>

Setelah menggalas tanggungjawab parti sebanyak sembilan kali bermula 1978 (termasuk PRK 1989), tiba masanya untuk beliau menyerahkan tugas kepada orang lain pula. Dikatakan pihak pentadbir DUN Manir sendiri yang mendesak agar anak beliau yang sedang menuntut di Australia, Hilmi, pulang meneruskan legasi perjuangannya di kawasan itu. Maka lewat PRU 2013, kerusi DUN Manir diambil alih pula oleh anaknya itu. Beliau menang dengan majoriti 588 undi.<sup>18</sup> Pelbagai jawatan disandang beliau sepanjang terlibat aktif dalam politik di Negara kita khususnya dalam PAS. Di samping terlibat sebagai ADUN kawasan Manir dan Ahli Majlis

<sup>15</sup> Abu Bakar bin Abdullah et al., *"Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib"* (Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016), 8.

<sup>16</sup> Mohd Hasbie Muda, *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam Semalaysia dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013)* (Selangor: Megamind Leadership Consultancy (MLC), 2014), 68-69.

<sup>17</sup> Mat Zain Mat Isa, "Tidak Pernah Uzurkan Diri Sertai Program Parti," *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014, 22.

<sup>18</sup> Mat Zain Mat Isa, "Tidak Pernah Uzurkan Diri Sertai Program Parti," *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014, 22.

Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Harun Taib juga dipilih sebagai Yang Dipertua PAS kawasan Hulu Terengganu semenjak dari tahun 1985 hingga 2013. Banyak jasa dan peranan yang dimainkan beliau sepanjang 28 tahun menjawat jawatan itu. Antara aktiviti yang diadakan ialah kuliah mingguan, usrah kawasan, program-program tamrin dan lain-lain lagi. Harun Taib juga diberi mandat untuk memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu bermula pada tahun 1989 hingga 1997. Kemudian, sekali lagi Harun Taib telah diberi mandat untuk menerajui Badan Perhubungan PAS negeri Terengganu untuk sesi 2009 hingga 2011. Perlantikan-perlantikan ini mengikut Fasal 34 (4) Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) (Pindaan 2001) – Pesuruhjaya PAS Negeri. Harun Taib pernah terpilih untuk menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa (AJK) Kerja PAS Pusat. Harun Taib dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja PAS pusat setelah berada di tempat ke 12 dengan 150 undi pada kali pertama beliau menyertai pemilihan parti di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-29 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 30 April dan 1 Mei 1983.

Harun Taib sentiasa dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS Pusat dengan undi tertinggi atau undi kedua tertinggi di dalam setiap pemilihan yang disertai oleh beliau di dalam Muktamar-Muktamar Tahunan PAS yang seterusnya. Di dalam Muktamar Tahunan PAS Pusat kali ke-31 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 14 dan 15 April 1985, beliau berjaya menempatkan diri beliau pada kedudukan tertinggi (tempat pertama) setelah memperolehi 347 undi. Di dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-33 di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor, pada 11 dan 12 April 1987, beliau berjaya menempatkan diri beliau pada kedudukan kedua tertinggi (tempat kedua) setelah memperolehi 313 undi. Manakala dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-35 di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor, pada 1 dan 2 April 1989, beliau berjaya menempatkan diri beliau pada kedudukan kedua tertinggi (tempat kedua) setelah memperolehi 252 undi. Di dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-37 di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor, pada 31 Mei, 1 dan 2 Jun 1991, beliau berjaya menempatkan diri beliau pada kedudukan tertinggi (tempat pertama) setelah memperolehi 309 undi. Di dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-39 di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor, pada 11, 12 dan 13 Jun 1993, beliau berjaya menempatkan diri beliau pada kedudukan tertinggi (tempat pertama) setelah memperolehi 344 undi.<sup>19</sup> Ini menunjukkan satu prestasi yang cukup membanggakan dan sebagai satu bukti kehebatan Harun Taib diiktiraf oleh seluruh ahli PAS berdasarkan sokongan undi melalui pemilihan parti didalam siri-siri muktamar yang diadakan.

Selain itu, Harun Taib pernah dilantik Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Sejarah perlantikan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat bermula pada tahun 1952. Harun Taib merupakan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat yang keenam iaitu bermula tahun 1995 hingga 2007. Kemudian diikuti Dato' Paduka Tuan Guru Haji Mohamed Daud Al-Iraqi yang berasal dari Kelantan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat yang ketujuh bermula dari tahun 2007 hingga 2009. Kemudian sekali lagi Harun Taib menjawat jawatan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat yang kelapan iaitu bermula dari tahun 2009 hingga 2014 (akhir hayatnya). Kemudian, selepas kematian beliau, jawatan Ketua Dewan Ulama Pas Pusat dipangku oleh Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat iaitu Dato' Haji Ahmad bin Yaakob. Harun Taib memegang rekod sebagai pemegang jawatan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat yang sentiasa menang tanpa bertanding di dalam pemilihan bagi jawatan itu bermula dari pemilihan beliau di dalam Muktamar Tahunan Dewan Ulama PAS Pusat Kali Ke-34

---

<sup>19</sup> Mohd Khairul Amin bin Haji Zakaria, *Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)* (Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 41-42.

di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor, pada 25 Ogos 1995<sup>20</sup> ekoran pengunduran Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dari jawatan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat setelah beliau dilantik oleh Mesyuarat Majlis Syura Ulama PAS pada 18 September 1994 untuk menjawat jawatan Mursyidul Am PAS menggantikan Haji Yusof Rawa.

Bermula dari pemilihan di dalam Muktamar Tahunan Dewan Ulama PAS Pusat kali ke-34 itu hinggalah ke pemilihan di dalam Muktamar Tahunan Dewan Ulama PAS Pusat kali ke-52 di Dewan Bankuet Majlis Bandaraya Shah Alam, Shah Alam, Selangor, pada 21 November 2013, beliau sentiasa menang tanpa bertanding sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Hanya sekali beliau tidak menyandang jawatan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat di dalam tempoh tersebut iaitu pada sesi 2007-2009, di mana beliau melepaskan jawatan itu kepada Dato' Mohamad Daud Iraqi dan beliau sendiri menandingi jawatan Timbalan Presiden PAS mencabar Ustaz Nasharudin Mat Isa di dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-53 di Pusat Tarbiyyah Islamiyyah Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 1, 2 dan 3 Jun 2007.<sup>21</sup> Dewan Ulama PAS yang dipimpin oleh Harun Taib telah mewujudkan pelbagai pembaharuan, antaranya mewujudkan Majlis Pendidikan PAS. Majlis Pendidikan PAS bertujuan untuk menyelaraskan sekolah-sekolah di bawah ahli-ahli PAS. Ustaz Harun telah berjaya menarik tokoh-tokoh muda berpendidikan untuk membantu Dewan Ulama' PAS Pusat ILHAM, Lujnah Tarbiah PAS Pusat. Kebanyakan tenaga pakar ini merupakan graduan dalam dan luar Negara. Antara ulama-ulama muda yang dimanfaatkan oleh Harun Taib ialah Dr Zulkifli Yusof, Dr Ishak Sulaiman, Dr Yaakob Yusuf, Dr Asiah Ali, Dr Sharani, Dr Kamarul Yusuf, Dr Nazri Mansor, Dr Khairuddin Aman Razali, Dr Azhar Yaakob, Dr Nik Zawawi Nik Salleh, Ustaz Nazri Chik dan ratusan kader-kader kompeten yang telah melalui proses perkaderan jamaah. Antara projek besar pendidikan yang telah berjaya diwujudkan oleh almarhum ialah KUIZM yang terletak di Taman Melewar, Kuala Lumpur. Dewan Ulama PAS telah mengambil alih Kompleks Markas Tarbiah Taman Melewar dan akhirnya pengubahsuaian bangunan telah dibuat untuk mewujudkan kampus KUIZM.<sup>22</sup> Selain jawatan-jawatan tersebut, antara jawatan lain yang disandang beliau sepanjang penglibatan beliau dalam politik ialah Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Kuala Nerus 1985, Ahli Majlis Syura Ulama 1997-2000, Naib Ketua Dewan Ulama PAS Terengganu, Setiausaha Badan Perhubungan PAS Terengganu dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu.<sup>23</sup>

Selain itu, semasa berkhidmat sebagai ADUN Manir, beliau dipilih untuk menjadi salah seorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1999 selepas PAS berjaya menawan kembali Terengganu. Beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Kerajaan Negeri Terengganu. PAS telah berjaya menawan kembali Terengganu dalam pilihan raya umum 1999 setelah kehilangan negeri itu pada tahun 1961. Kemenangan PAS itu juga bertitik tolak daripada gelombang reformasi yang tercetus di negara ini selepas peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada bulan September 1998, yang seterusnya membawa kepada bantahan awam secara besar-besaran. PAS antara parti yang mendapat keuntungan politik dengan berlakunya ketidkpuasan

---

<sup>20</sup> Riduan Mohamad Nor, *Tribute Untuk Dwi Murabbi Dato Ustaz Haji Harun Taib Dato' Ustaz Haji Abu Bakar Chick* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2016), 45.

<sup>21</sup> Mohd Khairul Amin bin Haji Zakaria, *Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)*, (Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 41-42

<sup>22</sup> Riduan Mohamad Nor, *Tribute Untuk Dwi Murabbi Dato Ustaz Haji Harun Taib Dato' Ustaz Haji Abu Bakar Chick* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2016), 46-47.

<sup>23</sup> Abu Bakar bin Abdullah et al., *"Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib"* (Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016), 8.

hati orang melayu, beserta dengan kebanjiran ahli baru yang masuk dalam parti itu. PAS telah memenangi 28 daripada 32 kerusi DUN yang dipertandingkan di Terengganu dan ini membolehkan parti itu memerintah negeri Terengganu. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah dilantik sebagai Menteri Besar yang baru menggantikan Dato' Seri Wan Mokhtar Ahmad. PAS yang dipimpin oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah menterjemahkan aspirasi parti mereka untuk 'Membangun Bersama Islam' termasuk di sektor pendidikan.

Oleh yang demikian itu, Menteri Besar Terengganu pada ketika itu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah mengemukakan nama Harun Taib sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu pada 2 Disember 1999. Beliau diamanahkan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Undang-Undang Syariah kerajaan Negeri Terengganu bagi penggal 1999 hingga 2004. Portfolio ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan PAS untuk menyemarakkan pendidikan islam sebagaimana dicita-citakan oleh parti itu.<sup>24</sup> Beliau juga terbabit dalam penggubalan Undang-Undang Syariah (termasuk hudud / qisas) di Terengganu dan Kelantan sehingga pada 24 April 2003 melakar sejarah bagi rakyat negeri itu apabila sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu meluluskan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2003 yang dikemukakan oleh Harun Taib yang ketika itu merupakan ADUN Manir merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Kerajaan Negeri Terengganu. Ia bertujuan mendaulatkan al-Quran, al-Sunnah, ijma' ulama dan qiyas sebagai sumber rujukan hukum tertinggi bagi negeri itu. Lebih mendapat perhatian ialah pewartaan hukum Hudud dan Qisas. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 telah diluluskan DUN Terengganu pada 8 Julai tahun 2002 dan mendapat perkenaan Ke Bawah Duli Tuanku Al-Sultan Terengganu pada 2 September 2002. Ia kemudiannya diwartakan pada 27 Oktober 2003 bersamaan 1 Ramadhan 1423.<sup>25</sup> Selain itu, antara jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Tajaan Yayasan Terengganu, Timbalan Pengerusi MAIDAM Terengganu (2002-2004), Pengerusi TDM (anak syarikat kerajaan negeri), Pengerusi Majlis Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Pengerusi Akademi Pembangunan Insan (API), Pengerusi Perpustakaan Awam Terengganu, Pengerusi Kolej Antarabangsa Terengganu, Pengerusi Lembaga TATI dan Pengerusi Permai Park Inn.<sup>26</sup>

Dalam hubungan politik serantau juga Harun Taib merupakan antara individu penting yang terlibat secara langsung dalam sesuatu perjanjian yang disepakati. Antara penglibatan dan sumbangan beliau dalam hubungan politik serantau ialah:

i. Pengurusan Terengganu Development Management (TDM Berhad)

Harun Taib telah berjaya menguruskan Terengganu Development Management (TDM Berhad) iaitu sebuah syarikat gergasi kerajaan Negeri Terengganu sehingga tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur serta berjaya melangsaikan hutang piutang TDM yang diwarisi dari kerajaan Barisan Nasional sebelumnya dan menghasilkan keuntungan berlipat kali ganda. Bahkan Tuanku Al-Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin sendiri berkenan merasmikan Hotel Darul Iman Palace milik TDM Berhad bagi menyediakan kemudahan penginapan hotel di

---

<sup>24</sup> Riduan Mohamad Nor, *Sumbangan PAS dalam Bidang Pendidikan di Malaysia (1951-2004)*, (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2013), 124.

<sup>25</sup> Mat Zain Mat Isa, "Hudud Terengganu Jadi Rujukan Brunei," *Harakah*, 7 Mac – 9 Mac 2014, 22.

<sup>26</sup> Abu Bakar bin Abdullah et al., *"Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib"* (Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016), 9



Makkah Al-Mukarramah untuk rakyat Terengganu dan Malaysia amnya iaitu pada tahun 2003. Hotel berkenaan dipajakkan oleh kerajaan Arab Saudi kepada TDM selama lima tahun dengan perjanjian bayaran RM 5 juta. Raja Idris Raja Kamaruddin (tokoh korporat) yang merupakan sepupu Tuanku Sultan Selangor dan bekas CEO TDM di zaman pemerintahan PAS di Terengganu turut menyatakan, beliau berjaya menyelesaikan masalah TDM dengan saranan Ustaz Harun. Waktu mengambil alih TDM dari kerajaan BN, TDM menanggung hutang ratusan juga ringgit. Pakar-pakar ekonomi melihat tiada cara lain memulihkan TDM melainkan dengan menjualnya untuk melangsaikan hutang, memandangkan hutang kerajaan Terengganu sendiri yang ditinggalkan BN juga tinggi. Hasil usaha dan panduan dari Harun Taib, TDM Berhad bebas dari hutang bahkan menjana keuntungan berlipat kali ganda. Ini diakui oleh Yang Mulia Raja Idris bin Raja Kamaruddin (CEO Kumpulan PERANGSANG) di Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu yang mana Harun Taib mencadangkan supaya Raja Idris menggunakan kaedah *bay' salam*, salah satu transaksi kewangan yang terdapat dalam Fiqh Muamalat Islam untuk menyelesaikan masalah TDM. Setelah diaplikasikan *bay'* tersebut, bukan sahaja masalah TDM selesai, bahkan berjaya pula menjana keuntungan berganda dalam operasinya. Semenjak itulah, Raja Idris percaya Ulama adalah orang terbaik untuk memimpin Negara.<sup>27</sup>

ii. Perjanjian Kesepakatan (MOU)

Keterlibatan Harun Taib dalam hubungan antarabangsa boleh juga dilihat apabila beliau berjaya mendapatkan perjanjian kesepakatan (MOU) dari European Institute of Human Sciences, Wales dan The Markfield Institute of Higher Teknologi, San'a Yaman dan juga Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berwawasan tinggi dan berpandangan jauh kerana beliau berjaya menghantar pelajar Maahad Darul Quran Rusila untuk menyambung pengajian samada ke Timur Tengah dan juga Eropah. Usaha beliau ini akan menghasilkan ulama yang berkemampuan dalam dwi-bahasa Arab dan Inggeris untuk menjadi pelapis kepada perjuangan Islam.<sup>28</sup> Sepanjang penglibatan beliau dalam arena politik, terdapat banyak sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh Harun Taib khususnya dalam melontarkan pandangan dan pendapat. Beliau seorang pemimpin yang lantang bersuara dan penuh dengan idealisme serta berani berhujah dalam mempertahankan prinsip dan kebenaran. Dalam masa yang sama semangat diplomasi dan toleransi juga tidak ditinggalkan dalam berhadapan dengan sesuatu isu ataupun masalah yang timbul. Tokoh politik yang cukup disegani dengan kelantangannya dalam memperjuangkan isu-isu kepentingan umat Islam di negara ini. Setiap kali isu agama menjadi wacana dan perdebatan umum, kupasan dan pandangan beliau adalah antara yang sentiasa menjadi rujukan media, samada arus perdana atau media yang akrab dengan pembangkang.

Terdapat beberapa isu yang timbul semasa beliau berada dalam medan politik khususnya semasa memegang jawatan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat yang sedikit sebanyak mencabar kredibilitinya dalam berhujah untuk mempertahankan kebenaran. Antara isu-isu yang timbul ialah isu pelaksanaan hudud, isu kalimah Allah, isu himpunan blackout 505, isu hubungan politik dengan pakatan rakyat (*tahaluf siyasi*) dan isu jemputan Mawi AF di Kelantan. Sumbangan dari sudut idea pandang politik banyak disumbangkannya dalam

---

<sup>27</sup> Ucapan Ym Raja Idris bin Raja Kamaruddin (CEO Kumpulan PERANGSANG) di Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.

<sup>28</sup> Atikah binti Harun dan Muhammad Hamdi bin Harun, (anak Harun Taib), dalam temubual dengan penulis, 9 Januari 2017.

menghadapi situasi-situasi ini. Antara contoh kelantangan suara beliau banyak kita lihat apabila tercetusnya isu-isu berkaitan politik semasa dan juga berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan hukum dan prinsip islam.

a) Isu Berkaitan Politik Semasa

Antara idea pandang beliau apabila berhadapan dengan isu-isu politik semasa ialah:

i. Himpunan BLACK OUT 505

Himpunan BLACK OUT 505 merupakan himpunan bersiri yang diadakan bermula di Stadium MBSJ Kelana Jaya pada 8 Mei 2013 bertujuan untuk membantah dakwaan penipuan pilihan raya dan salah laku dalam keputusan Pilihan Raya Umum ke-13. Ia diadakan sebanyak sembilan siri dan yang terakhir dikenali sebagai 'Perhimpunan Suara Rakyat 505' yang berlangsung di AMCORP MALL Petaling Jaya pada 25 Mei 2013 yang merupakan himpunan kemuncak BLACK OUT 505. Pengarah penganjur bagi perhimpunan itu ialah Datuk Johari Abdul yang juga Ahli Parlimen Sungai Petani, Kedah dari Parti Keadilan Rakyat PKR. Anggota gabungan penganjur himpunan 'Suara Rakyat 505' iaitu himpunan kemuncak BLACK OUT 505 ialah Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM), Tindak Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Parti Sosialis Malaysia (PSM), Parti Rakyat Malaysia (PRM), Gabungan Menuntut Royalti<sup>®</sup>, Asalkan Bukan Umno (ABU), Gerakan Mansuhkan ISA (GMI), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Gabungan Tanah Rakyat (TANAH), Kill The Bill, Malaysian For Beng Hock, Mama Bersih, Kelab Bangsar Utama, Radio Bangsar Utama (RABU), Mahasiswa Keadilan Malaysia, Kumpulan Aktivistik Mahasiswa Independen (KAMI), Malaysia Youth and Students Democratic Movement (DEMA) dan Independent Student Front (INSTEF)

Selain itu, anggota gabungan penganjur himpunan tersebut ialah University Malaya Association Of New Youth (UMANY), Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall (KLSCAH), Gabungan NGO Pengerang, Angkatan Pembebasan Bangsa (APB), Gabungan Mahasiswa Islam seMalaysia (GAMIS), Pro-Mahasiswa Nasional, Aksi Mahasiswa Peduli (AKSI), Pertubuhan Kemajuan dan Kebajikan Rakyat Selangor (Pro-Rakyat), Angkatan Rakyat Muda (ARM), Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM), Unit Ehsan Malaysia, Anwar Ibrahim Club (AIC), Agent of Change (AoC), Revolusi Anak Muda Malaysia (RAMM), Kami Anak Muda Menentang Umno (K.A.M.U), Gagasan Majlis Permuafakatan Rakyat Terengganu (MAMPAT), Pertubuhan Kebajikan Rakyat Perlis (PKR Perlis), Kumpulan Aktivistik Media Independent (KAMI), Gabungan NGO Kelantan, Solidariti Anak Bachok Daratkan Minyak (CABAR), Majlis Permuafakatan Kampung Warisan KL/Selangor (MUAFAKAT), Gabungan Profesional Menuntut Royalti, Hak Pendaratan Minyak dan Gas Ke Kelantan (ROYALTI), Gabungan Menuntut Royalti Terengganu (R Terengganu), Selamatkan Teluk Rubiah, Selamatkan Pantai Port Dickson, Selamatkan Pasar Payang, Jaringan Sepadu Rakyat Malaysia (SEPADU), Angkatan Warga Aman Malaysia (Warga AMAN), Malaysian Indians Progressive Association (MIPAS), Federation of Malaysian Indian Organisation (PRIMA), Malaysian Indians Transformation Action Team (MITRA), Angkatan Nasional India Malaysia (AGNI), Comuniti Front (CF) Seremban.

Harun Taib mengulangi bahawa parti itu tidak secara sukarela menganjur atau mengambil bahagian dalam perhimpunan BLACK OUT 505 kerana telah menerima keputusan Pilihan Raya Umum ke-13. Beliau tidak berminat untuk berbuat demikian kerana untuk membantah keputusan pilihan raya itu dan beliau juga tidak tahu kenapa mereka membantah keputusan pilihan raya itu. Beliau menyatakan bahawa fikirkan kemenangan melalui kesabaran dan kesabaran adalah kunci yang membuka. Apa perlu kemenangan yang isinya belum ranum. Walau bagaimanapun, Harun Taib dalam satu kenyataan menukar pendiriannya mendakwa ia

merupakan pandangan peribadi dan akan memberi sokongan kepada himpunan asalkan tidak mencetuskan revolusi. Beliau tidak bersetuju jika perhimpunan itu diadakan untuk revolusi kerana ia bercanggah dengan dasar dan prinsip parti yang menolak sebarang bentuk kejatuhan kerajaan melalui demonstrasi tetapi beliau menyatakan kalau perhimpunan aman tiada masalah dan ia memang selalu dibuat. Tujuan himpunan diadakan adalah untuk menunjukkan bantahan terhadap ketidakadilan Suruhanjaya Pilihan Raya SPR dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Akhirnya persetujuan dan sokongan terhadap perhimpunan tersebut telah dicapai melalui persepakatan Majlis Syura Ulama PAS pusat. Menurut Harun Taib, PAS adalah gerakan Islam yang menjalankan kerja dakwah dan melibatkan diri dalam politik pemerintahan. Sebagai parti dakwah, PAS bertanggungjawab menyampaikan islam kepada bukan islam dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar serta memperkukuhkan iman orang yang telah menganut islam. Sebagai parti politik, PAS berusaha mendapatkan kuasa pemerintahan bagi islam dengan menggunakan saluran demokrasi iaitu melibatkan diri dalam pilihan raya.<sup>29</sup>

ii. Hubungan Politik dengan Pakatan Rakyat (*Tahaluf Siyasi*)

Harun Taib menyatakan bahawa perlu kepada penelitian balik berkaitan *tahaluf siyasi* antara Pakatan Rakyat. Manakala di pihak Majlis Syura Ulama pula hendaklah meneliti kembali *tahaluf siyasi* bersama Pakatan Rakyat dikaji semula setelah berlaku perkara-perkara yang boleh melemahkan PAS dan merosakkan hubungan di dalam *tahaluf siyasi*. Beliau mengharapkan agar PAS Pusat segera menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji dan menilai kemerosotan sokongan pengundi Melayu kepada PAS serta menilai kembali *tahaluf siyasi* terutamanya dengan PKR sejauh mana ia menguntungkan PAS. Beliau juga menyarankan supaya pertukaran, perebutan dan penyerahan kerusi berpotensi PAS kepada PKR dikaji semula dan diberi perhatian.<sup>30</sup> Menurut beliau perjuangan kita ini amat berbeza dengan parti yang lain. Kita hendak menilai apakah keuntungan (kerjasama politik) secara keseluruhan. Sementara itu dalam ucapannya di Mukhtar Dewan Ulama PAS kali ke-52, beliau menyatakan bahawa *tahaluf siyasi* akan disemak bukan untuk memutuskan hubungan dengan rakan Pakatan Rakyat, tapi untuk lihat sama ada memberi keuntungan kepada PAS.

iii. PAS Sebagai Gerakan Dakwah dan Politik

Harun taib mengeluarkan pendapat beliau yang menyatakan bahawa PAS merupakan sebuah gerakan dakwah dan politik. Menurut beliau PAS merupakan gerakan dakwah dan gerakan siasah. Ia bukan hanya gerakan dakwah tanpa melibatkan diri dengan politik dan bukan juga hanya gerakan politik yang mengenenepikan elemen dakwah. Sebagai gerakan dakwah, PAS sentiasa berusaha memperkenalkan Islam sehingga diterima oleh masyarakat bukan Islam dan diimani dengan penuh yakin oleh orang-orang Islam hingga mereka boleh menerima islam sebagai cara hidup peribadi, bermasyarakat dan bernegara. Islam perlu mendasari sistem politik, ekonomi dan sosial negara. Apabila negara tidak ditadbir dan diurus berdasarkan islam maka berlakulah pelbagai kepincangan dan kerosakan. Pelbagai medium perlu dimanfaatkan oleh alim ulama PAS dan juga ahli PAS untuk mencapai matlamat ini sama ada menerusi lidah atau penulisan. PAS sebagai gerakan siasah pula sentiasa berusaha mendapatkan kuasa untuk memerintah negara ini dengan menjadikan pilihan raya sebagai wasilah. Pelbagai gerak kerja

---

<sup>29</sup> Ucaptama Harun Taib di Mukhtar Dewan Ulama PAS Pusat yang dibacakan oleh Al-Fadhil Dato' Dr. Mahfodz bin Mohamed mewakili Harun Taib sempena Mukhtar Dewan Ulama PAS Pusat kali ke 51 di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan pada hari Khamis 15 November 2012.

<sup>30</sup> Ucaptama Harun Taib di Multaqa Ulama Semalaysia di Kompleks PAS Kota Sarang Semut, Kedah pada 14 September 2013.

dan strategi dikemukakan untuk memenangi hati rakyat untuk memberikan kuasa pada Islam. Strategi *tahaluf siyasi* yang menjadi sebahagian pendekatan PAS sejak dulu telah membuahkan hasil dan kejayaan untuk mengurangkan kuasa dan dominasi UMNO dan BN. Maka di saat kejayaan awal telah dikecapi oleh PAS menerusi kerjasama politik Pakatan Rakyat, PAS perlu mengisi kemenangan ini dengan mengemukakan pelbagai dasar Islam dalam pentadbiran dan pengurusan negeri. Sebagai sebuah gerakan dakwah dan siasah, perjuangan PAS tidaklah bermatlamatkan kemenangan di dalam pilihan raya semata-mata, tetapi matlamat utamanya ialah untuk mencari keredhaan Allah dengan memanfaatkan kuasa yang diperolehi menerusi pilihan raya untuk melaksanakan Islam. Maka apabila kemenangan diberikan oleh Allah di dalam pilihan raya, ia merupakan suatu amanah dan tanggungjawab yang perlu diisi sebaiknya.<sup>31</sup>

b) Isu Berkaitan Hukum dan Prinsip Islam

Antara idea pandang beliau apabila berhadapan dengan isu-isu berkaitan hukum dan prinsip Islam ialah:

i. Pelaksanaan Hudud

Menurut Harun Taib, PAS akan tetap melaksanakan hukum hudud di negara ini walaupun parti itu terpaksa tinggalkan DAP dan Parti Keadilan Rakyat di dalam Pakatan Rakyat. PAS tetap akan melaksanakan hudud dan pinda Perlembagaan walaupun mungkin bukan dengan rakan pakatan yang ada sekarang. Mungkin dengan pakatan lain yang memberi sokongan kepada PAS nanti. Mungkin ada pihak yang simpati dan menyokong perjuangan PAS ini. Jika cukup majoriti (penguasaan kerusi), jika PAS lebih kuat berbanding rakan lain nanti, PAS akan melaksanakan (hudud dan pinda Perlembagaan). Secara umumnya bahawa bukan sahaja hudud tapi syariat Islam itu dilaksanakan selepas berjaya mendapat keyakinan rakyat untuk memimpin Malaysia. Harun Taib turut membidas kenyataan Karpal Singh berkaitan isu pelaksanaan hudud ini. Beliau menegaskan bahawa tidak bersetuju dengan tindakan Pengerusi DAP, YB Karpal Singh yang dilihat mencampuri urusan Majlis Syura Ulama PAS Pusat yang telah diputuskan secara kolektif. Harun Taib mengecam Pengerusi DAP itu yang dilihat memperkecilkan peranan Majlis Syura Ulama PAS Pusat dengan menganggap majlis itu hanya bersifat minoriti dalam parti sekutunya itu.

Sambil menyifatkan Karpal sebagai 'tidak tahu apa-apa' tentang PAS dan 'kehabisan modal', beliau menegaskan bahawa Majlis Syura Ulama PAS Pusat berada di kedudukan tertinggi sekaligus mempunyai kuasa lebih besar dalam membuat sebarang ketetapan atau keputusan parti. Pada masa yang sama beliau menjelaskan bahawa Majlis Syura Ulama juga merupakan pemegang polisi atau dasar parti dan peranan pentingnya itu tidak boleh dipertikaikan dan mesti dihormati. Beliau menyatakan bahawa Karpal tak tahu apa-apa dalam parti PAS sebab dia orang luar. Dalam PAS, Majlis Syura Ulama lebih tinggi kuasanya malah merupakan pemegang polisi ataupun dasar parti. Di samping itu, Harun Taib merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam penggubalan Undang-Undang Syariah (termasuk hudud / qisas) di Terengganu dan Kelantan. Pemerintahan singkat PAS di Terengganu (1999-2004) telah membuktikan kesungguhan parti itu mendaulatkan hukum dan peraturan menepati syariah. Biarpun hanya berpeluang menerajui kerajaan sepenggal sahaja, ia telah memanfaatkan sepenuhnya kemenangan bergaya itu untuk menggubal, melulus danewartakan beberapa hukum dan peraturan sepertimana dituntut Islam.

---

<sup>31</sup> Ucapan Harun Taib di dalam Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat kali ke-52 di Dewan Bankuet Majlis Bandaraya Shah Alam, Shah Alam, Selangor pada 21 November 2013 bertajuk "Ulama' Haraki Menangani Fasad Mengisi Kemenangan".

Di antara legasi terpenting kerajaan PAS Terengganu ialah kejayaannya mengembalikan kedaulatan sumber hukum Islam ke dalam undang-undang tubuh negeri. Tarikh 24 April 2003 melakar sejarah bagi rakyat negeri itu apabila sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu meluluskan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (Pindaan) 2003 yang dikemukakan oleh Harun Taib yang ketika itu merupakan ADUN Manir merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Kerajaan Negeri Terengganu. Ia bertujuan mendaulatkan al-Quran, al-Sunnah, ijma ulama dan qiyas sebagai sumber rujukan hukum tertinggi bagi negeri itu. Lebih mendapat perhatian ialah pewartaan hukum Hudud dan Qisas. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 telah diluluskan Dun Terengganu pada 8 Julai tahun 2002 dan mendapat perkenaan Ke Bawah Duli Tuanku Al-Sultan Terengganu pada 2 September 2002. Ia kemudiannya diwartakan pada 27 Oktober 2003 bersamaan 1 Ramadhan 1423.<sup>32</sup>

ii. Kalimah Allah

Dalam isu kalimah Allah ini, Harun Taib bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Beliau berpuas hati dan menyokong penuh keputusan Mahkamah Rayuan yang mana tidak membenarkan kalimah Allah digunakan dalam majalah *The Herald*. Dalam bab akidah, Islam kena jaga dan beliau juga tidak bersetuju dengan pendapat Dr. Mohd. Asri.<sup>33</sup> Sebagai orang Islam, beliau tetap tegaskan bahawa kalimah Allah hanya hak agama dan umat Islam manakala bukan Islam tiada hak menggunakan kalimah suci itu. Majlis Syura Ulama PAS Pusat itu tidak akan menarik balik atau berbincang apa-apa lagi mengenai isu ini. Ia melibatkan akidah, bukan sesuatu yang boleh mendapat kelonggaran. Beliau menegaskan lagi bahawa Allah bukan tuhan bagi agama selain daripada Islam dan kalimah Allah hanya khusus untuk agama dan umat Islam kerana tuhan bagi umat Islam hanya satu iaitu Allah, dan Allah bukan tuhan bagi penganut agama lain.<sup>34</sup>

iii. Jemputan Mawi AF3 di Kelantan

Pada 15 September 2005, Harun Taib sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat membantah tindakan kerajaan negeri Kelantan menjemput Mawi menyanyi dalam konsert Islam pada 1 Oktober 2005 di Stadium Sultan Mohammad Ke-IV sempena pengisytiharan "Kota Bharu Bandar Raya Islam". Ini kerana beliau menganggap Mawi bukan seorang penyanyi hiburan Islam sebenar, sebaliknya hasil produk sebuah rancangan realiti televisyen *Akademi Fantasia Musim 3* (Astro Ria), yang jelas menyimpang daripada ajaran Islam. Artis lain yang dijemput ialah M. Nasir, Akhil Hayy, kumpulan Rabbani dan Halim Yazid. Harun Taib membantah kerana menganggap Mawi bukan seorang penyanyi hiburan Islam sebenar, sebaliknya dia adalah hasil produk sebuah rancangan realiti televisyen yang jelas menyimpang daripada ajaran Islam. Kita mahu penyanyi hiburan alternatif yang mengikut lunas-lunas Islam dan bukannya yang lahir daripada rancangan yang jelas tidak berlandaskan Islam. Dewan Ulama PAS Pusat tiada halangan sekiranya kerajaan PAS Kelantan menjemput penyanyi yang benar-benar memperjuangkan

---

<sup>32</sup> Mat Zain Mat Isa, "Hudud Terengganu Jadi Rujukan Brunei," *Harakah*, 7 Mac – 9 Mac 2014, 22.

<sup>33</sup> Dr. Mohd Asri Zainul Abidin merupakan seorang Pensyarah Bahagian Pengajian Islam, USM. (JAWATAN TETAP). Beliau juga pernah menjawat jawatan MUFTI KERAJAAN NEGERI PERLIS (dipinjam dari USM oleh Kerajaan Negeri Perlis bermula 1 Nov 2006 – 30 Nov 2008). Beliau dilantik semula sebagai Mufti Perlis pada tahun 2015 menggantikan Dato Dr Juanda Jaya yang telah tamat kontrak. Beliau juga pernah menjawat jawatan Fellow OCIS, Oxford University, Oxford (2011-2012) dan juga Ahli Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)

<sup>34</sup> Mohd Khairul Amin bin Haji Zakaria, *Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)* (Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 54.

hiburan Islam sebenar untuk membuat pertunjukan di negeri itu. Pendirian Harun Taib itu dianggap tepat dengan hukum-hukum yang diijtihad oleh kebanyakan ulama zaman silam berdasarkan nas-nas daripada al-Quran dan Hadis. Masalah muzik dan lagu merupakan masalah khilafiah yang ulama berbeza pandangan sejak turun-temurun. Harun Taib bagaimanapun akur bahawa Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan dan Mursyidul Am PAS lebih berhak untuk membuat keputusan.<sup>35</sup>

### Karya dan Penulisan

Di samping itu, Harun Taib juga terlibat dan banyak memberi sumbangan dalam menghasilkan karya-karya penulisan serta kertas-kertas untuk kegunaan masyarakat dalam siri pembinaan individu muslim. Antara buku tulisan beliau ialah Kuasa Perundangan Islam, Kuasa Pemerintahan Islam, Berbilang-Bilang Jamaah dan Muslimat Pembangun Ummah.<sup>36</sup> Selain buku-buku yang dihasilkannya, terdapat hampir 80 kertas kerja tulisan beliau yang diterbitkan untuk dijadikan kertas pembentangan di dalam sesuatu konvensyen atau seminar serta kertas kerja yang dikompilasikan untuk dijadikan bahan bacaan. Pecahan tajuk kertas kerja beliau sebagaimana berikut:

**Jadual 2: Pecahan Tajuk Kertas Kerja Mengikut Tema Penulisan**


BIL	TEMA PENULISAN	JUMLAH
1	Pendidikan Dan Tarbiyyah	9
2	Ekonomi Dan Pekerjaan	6
3	Perjuangan Islam Dan Jamaah	18
4	Kepimpinan Dan Pengurusan	9
5	Ulama'	13
6	Politik	13
7	Muslimat	3
8	Kepelbagaian Kaum	3
9	Teknologi Maklumat	1

Sumber: Pameran galeri Harun Taib sempena Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.

<sup>35</sup> Mohd Khairul Amin bin Haji Zakaria, *Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)* (Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 55.

<sup>36</sup> Abu Bakar bin Abdullah et al., *"Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib"* (Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016), 10.

**Carta 1: Pecahan Tajuk Kertas Kerja Mengikut Tema Penulisan**



Sumber: Pameran galeri Harun Taib sempena Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.

Daripada Carta Pai ini jelas menunjukkan bahawa Harun Taib merupakan seorang tokoh tarbiah yang aktif dalam penulisan sehingga berjaya menghasilkan banyak kertas kerja dan beberapa buah buku termasuk karya *Berbilang-Bilang Jamaah* yang menjadi fokus analisis penyelidik dalam kajian ini. Kertas kerja paling banyak ialah berkaitan perjuangan Islam dan jamaah iaitu 18 kertas kerja. Ini menunjukkan keseriusan beliau dalam memberi pencerahan dan maklumat kepada masyarakat ke arah memahami perjuangan Islam dan jamaah.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan sorotan yang dibincangkan, penglibatan serta sumbangan Harun Taib dalam PAS khususnya tidak dapat dinafikan lagi. Beliau seorang ahli politik serta seorang alim ulama yang sentiasa hidup dalam denyut nadi rakyat. Beliau sentiasa menjadi tempat rujukan dan antara individu yang sentiasa terlibat dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul. Sejarah hidup dan pengalaman yang dilalui beliau menajadikan beliau seorang yang matang dalam berpolitik dan berprinsip dalam mengeluarkan sesuatu pandangan. Sesungguhnya perjalanan dan tempoh masa yang dilalui beliau sejak dari peringkat remaja memberi satu pengalaman yang berguna kepada beliau dalam menghadapi suasana politik khususnya di Negara kita.

### **Rujukan**

Abu Bakar bin Abdullah et al. "Perginya Tokoh Murabbi Ummah Tuan Guru Dato' Haji Harun Taib." Buku Program, Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.

- Badlihisam Mohd Nasir. Pendidikan Dalam Gerakan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, 1 (2010).
- Idris Ahmad. *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media, 2001.
- Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam Semalaysia dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013)*. Selangor: Megamind Leadership Conculancy (MLC), 2014.
- Mohd Khairul Amin bin Haji Zakaria. "Sumbangan Harun Taib dalam Parti Islam Semalaysia (PAS)." Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.
- Riduan Mohamad Nor. *Sumbangan PAS dalam Bidang Pendidikan di Malaysia (1951-2004)*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2013.
- Riduan Mohamad Nor. *Tribute Untuk Dwi Murabbi Dato Ustaz Haji Harun Taib Dato' Ustaz Haji Abu Bakar Chick*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2016.
- Siti Turimah Hailani. "Metode Pentarbiahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam: Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia (PAS)." Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994.
- Faez Azahar. "Ustaz Harun Sukar Dicari Ganti." *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014.
- Mat Zain Mat Isa. "Hudud Terengganu Jadi Rujukan Brunei." *Harakah*, 7 Mac – 9 Mac 2014.
- Mat Zain Mat Isa. "Tidak Pernah Uzurkan Diri Sertai Program Parti." *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014.
- Nyza Ayob. "Ustaz Harun Gigih Didik Masyarakat Dengan Islam." *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014.
- Sazali Mohd Nor. "Lebih 5,000 Mengiringi Pulangnya Sang Murabbi." *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014.
- Shuhaimi Al-Maniri. "Ustaz Harun, Manir Sehati, Ibarat Aur Dengan Tebing." *Harakah*, 31 Januari – 2 Februari 2014.
- Ucapan Ym Raja Idris bin Raja Kamaruddin (CEO Kumpulan PERANGSANG), Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.
- Ucuptama Harun Taib di Mukhtar Dewan Ulama PAS Pusat yang dibacakan oleh Al-Fadhil Dato' Dr. Mahfodz bin Mohamed mewakili Harun Taib sempena Mukhtar Dewan Ulama PAS Pusat kali ke 51 di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu Kelantan pada hari Khamis 15 November 2012.
- Ucuptama Harun Taib di Multaqa Ulama Semalaysia di Kompleks PAS Kota Sarang Semut, Kedah pada 14 September 2013.
- Ucapan Harun Taib di dalam Mukhtar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat kali ke-52 di Dewan Bankuet Majlis Bandaraya Shah Alam, Shah Alam, Selangor pada 21 November 2013 bertajuk "Ulama' Haraki Menangani Fasad Mengisi Kemenangan".
- Pameran galeri Harun Taib sempena Seminar Pemikiran Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Harun bin Taib, Markaz Tarbiyyah PAS Kubang Lembek, Manir, Terengganu, 1 Mei 2016.



Atikah binti Harun dan Muhammad Hamdi bin Harun, (anak Harun Taib), dalam temubual dengan penulis, 9 Januari 2017.